



**KOD ETIKA
&
TATAKELAKUAN
CODE OF ETHICS
&
CONDUCT**



KANDUNGAN	HALAMAN
1.0 OBJEKTIF	2
2.0 SKOP	2
3.0 TAKRIF DAN TAFSIRAN	2
4.0 TANGGUNGJAWAB DAN PEMATUHAN KOD	8
5.0 RASUAH, FRAUD DAN PECAH AMANAH	9
6.0 KONFLIK KEPENTINGAN	10
7.0 HADIAH, KERAJIAN DAN PERJALANAN	12
8.0 DERMA DAN TAJAAN	14
9.0 SUMBANGAN POLITIK	14
10.0 PERISYTIHARAN ASET	14
11.0 ASET SYARIKAT	15
12.0 KERAHSIAAN MAKLUMAT	15
13.0 MAKLUMAT TERPILIH DAN PERTUKARAN MAKLUMAT DALAMAN	15
14.0 PERNYATAAN SYARIKAT	16
15.0 KELAKUAN DALAM MEDIA SOSIAL	16
16.0 KELAKUAN TERHADAP RAKAN SEKERJA DAN ORANG LAIN	16
17.0 PENYERTAAN DALAM POLITIK	16
18.0 AKTIVITI JENAYAH/PENGGANAS	17
19.0 ALKOHOL DAN DADAH	17
20.0 PAKAIAN DAN PENAMPILAN DI TEMPAT KERJA	17
21.0 HARTA INTELEKTUAL, HAK CIPTA DAN TANDA DAGANG	18
22.0 INTEGRITI KEWANGAN	18
23.0 PELANGGARAN KOD	19
24.0 PINDAAN	19
25.0 PENGESAHAN PEMATUHAN KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN	20

KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN INI MULA BERKUAT KUASA PADA 30 MAC 2017

1.0 OBJEKTIF

Objektif Kod ini adalah menyediakan garis panduan yang jelas tentang kelakuan yang dibenarkan atau tidak dibenarkan dalam amalan perniagaan Malaysia Airports. Kod ini dilaksanakan bagi memastikan semua Pekerja dan wakilnya mematuhi piawaian yang sama. Kod ini juga digunakan sebagai garis panduan apabila membuat keputusan tentang etika kerja, termasuk dalam mengukuhkan dan memupuk hubungan rapat antara Syarikat dengan pelanggannya. Tatakelakuan perniagaan untuk Lembaga Pengarah tertakluk pada kewajipan berkanun pengarah di bawah pelbagai enakmen perundangan, dan seperti yang dinyatakan dalam Akta Syarikat, Keperluan Penyenaaraan Bursa Malaysia Securities Berhad dan Akta Suruhanjaya Sekuriti.

2.0 SKOP

Kod ini terpakai pada semua Pekerja Syarikat dan wakil, termasuk ejen, perunding, kontraktor dan pembekal Syarikat.

3.0 TAKRIF DAN TAFSIRAN

3.1 TAKRIF

Takrif yang berikut hendaklah digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Kod ini:

Istilah	Huraian
Aset	Sumber ketara atau tidak ketara yang dikawal oleh Syarikat hasil daripada urus niaga atau peristiwa lampau dan daripada manfaat ekonomi masa hadapan yang dijangka mengalir ke dalam Syarikat. Sumber tersebut termasuk bangunan, lekapan, kelengkapan, kemudahan, maklumat dan sumber atau harta lain Syarikat.
Rakan Sekutu	Berhubung dengan orang, bermaksud: i. mana-mana orang yang menjadi penama atau pekerja bagi orang tertentu; ii. mana-mana orang yang menguruskan urusan orang tertentu; iii. mana-mana organisasi yang orang tertentu, atau mana-mana penamanya, adalah rakan kongsi,

	<p>atau orang yang bertanggungjawab atau yang mengawal, atau mempunyai kepentingan untuk mengawal perniagaan atau hal ehwalnya;</p> <p>iv. mana-mana syarikat seperti yang dimaksudkan dalam Akta Syarikat 1965, yang baginya orang tertentu, atau mana-mana penamanya, adalah pengarah atau yang bertanggungjawab atau yang mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau apabila orang itu, bersendirian atau bersama-sama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan untuk mengawal, atau mempunyai saham yang jumlah nilainya tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada jumlah modal diterbitkan dalam syarikat itu; atau</p> <p>v. pemegang amanah bagi mana-mana amanah, apabila:</p> <p>(a) amanah itu telah diwujudkan oleh orang tertentu; atau</p> <p>(b) jumlah nilai aset yang disumbangkan oleh orang tertentu ke dalam amanah tersebut pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas pewujudan amanah, dan amaunnya, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada jumlah nilai aset bagi amanah tersebut.</p>
Persatuan/kesatuan/kelab	Mana-mana persatuan/kesatuan/kelab yang ditubuhkan oleh Pekerja yang diiktiraf dan diluluskan oleh Syarikat.
Sogokan	Dorongan atau ganjaran (kewangan atau selainnya) yang ditawarkan, diberikan atau diterima, secara langsung atau tidak langsung, untuk mendapatkan apa-apa jenis hasil, award, keputusan, manfaat atau kelebihan yang tidak wajar atau tidak berpatutan.
Rakan perniagaan	Mana-mana orang atau entiti, yang Syarikat mempunyai persetujuan komersil untuk bekerjasama dengan orang tersebut atau untuk membentuk

	<p>pakatan. Rakan perniagaan termasuk tetapi tidak terhad pada pembekal, penyedia khidmat, pelanggan dan/atau ejen.</p>
Kesetaraan tunai	<p>Aset yang mempunyai nilai tunai yang boleh direalisasikan yang setara dengan amaun tunai yang diketahui dan mudah ditukar kepada tunai seperti baucar tunai, kupon tunai, saham dan lain-lain.</p>
Kod	<p>Kod Etika dan Tatakelakuan ini, yang merupakan satu set panduan yang mengawal kelakuan perniagaan dan hubungan Pekerja dengan wakil lain Syarikat.</p>
Pesaing	<p>Mana-mana orang atau entiti yang memberikan perkhidmatan yang sama atau hampir sama atau membekalkan produk yang sama atau serupa dengan Syarikat dalam mana-mana satu atau beberapa persekitaran perniagaan.</p>
Konflik kepentingan	<p>Apa-apa kepentingan, aktiviti atau hubungan peribadi seseorang Pekerja yang boleh mengganggu atau berpotensi mengganggu matlamat Pekerja dalam melakukan usaha yang terbaik untuk Syarikat.</p>
Berpakaian silang	<p>Apabila Pekerja lelaki berpakaian atau mendandan dirinya sebagai wanita atau apabila Pekerja wanita berpakaian atau mendandan dirinya sebagai lelaki.</p>
Pelanggan	<p>Mana-mana orang atau entiti yang kepadanya Syarikat menyediakan produk, ruang dan kemudahan atau memberikan perkhidmatan kepadanya dan termasuk pelanggan berpotensi.</p>
Derma	<p>Sumbangan sukarela, kewangan atau barangan, ke dalam dana atau tujuan dengan tiada perkhidmatan atau bayaran balas yang diharapkan atau perlu dibayar.</p>

Pekerja	Semua Pekerja yang bekerja dengan Syarikat termasuk orang yang bekerja secara kontrak, peminjaman, perantisan, pegawai sangkut, sama ada dibayar gaji atau sebaliknya. Perkataan 'Pekerja' atau 'Para Pekerja' harus mempunyai maksud yang sama dan boleh ditukar ganti.
Pekerjaan	Apabila seseorang dibayar upah atau gaji untuk menjalankan tugas tertentu di bawah arahan dan kawalan majikan.
Keraian	Apabila Pekerja mengiringi pihak ketiga ke suatu acara dan termasuk tetapi tidak terhad kepada, jamuan perniagaan, undangan atau tiket untuk ke acara dan tempat rekreasi, kebudayaan atau sukan, dan juga apa-apa perjalanan, tempat penginapan, makanan dan jamuan ringan yang berkaitan.
Bayaran pemudahan	Bayaran yang dibuat untuk menjamin atau mempercepatkan pelaksanaan oleh orang yang melaksanakan tugas atau fungsi rutin atau pentadbiran.
Ahli keluarga	Bagi seorang Pekerja, bermaksud: <ul style="list-style-type: none">i. Pasangan;ii. Ibu bapa (termasuk ibu bapa tiri dan ibu bapa angkat);iii. Anak (termasuk anak tiri dan anak angkat);iv. Adik-beradik (termasuk adik-beradik tiri dan adik-beradik angkat);v. Datuk dan nenek;vi. Cucu;vii. Ipar (termasuk ipar tiri dan ipar angkat);viii. Menantu lelaki dan menantu perempuan;ix. Ibu bapa (termasuk ibu bapa tiri dan ibu bapa angkat) bagi menantu lelaki dan menantu perempuan;x. Adik-beradik (termasuk adik-beradik tiri dan adik-beradik angkat) pasangan Pekerja;

	<p>xi. Bapa saudara, emak saudara, anak saudara lelaki, anak saudara perempuan atau sepupu; dan</p> <p>xii. Mana-mana orang yang menjadi ahli dalam keluarga Pekerja.</p>
<p>Hadiah</p>	<p>Apa-apa yang berharga yang diberikan atau diterima oleh Pekerja sama ada secara langsung atau tidak langsung termasuk tetapi tidak terhad pada, barangan atau perkhidmatan, produk promosi, keraian seperti makanan, perjalanan atau tiket ke acara, gratuiti, diskaun atau pertolongan peribadi yang bertujuan mempengaruhi atau memberikan ganjaran kepada individu atau entiti.</p>
<p>Suapan</p>	<p>Hendaklah bermaksud:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. wang, derma, hadiah, pinjaman, fi, ganjaran, sekuriti berharga, harta atau kepentingan dalam harta bagi apa-apa jenis harta sama ada boleh alih atau tidak boleh alih, manfaat kewangan, atau apa-apa manfaat lain yang serupa; ii. apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan persetujuan untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan dalam apa-apa kapasiti; iii. apa-apa pembayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian bagi apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya; iv. apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan; v. apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;

	<p>vi. apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau dialami atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding tatatertib, berbentuk sivil atau jenayah, sama ada telah dimulakan atau belum dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi;</p> <p>vii. apa-apa tawaran, aku janji atau perjanjian, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, bagi apa-apa suapan mengikut maksud mana-mana perenggan (i) hingga (vi) di atas.</p>
Ketua	<p>bagi:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pengarah Urusan ialah Pengerusi Lembaga Malaysia Airports Holdings Berhad.ii. Pengurus Besar dan ke atas ialah Pengarah Urusan.iii. Pekerja Malaysia Airports Holdings Berhad ialah Ketua Bahagian masing-masing.iv. Pengurus Kanan Lapangan Terbang, Pengurus Lapangan Terbang dan Pekerja di subsidiari ialah Pengurus Besar Kanan/Pengurus Besar subsidiari tersebut.v. Pekerja di apangan terbang ialah Pengurus Kanan Lapangan Terbang atau Pengurus Lapangan Terbang.
Ketua Sumber Manusia	Ketua Bahagian Sumber Manusia Malaysia Airports Holdings Berhad.
Penyelia	Individu dalam Syarikat yang kepadanya Pekerja melaporkan diri, iaitu eksekutif, penyelia, ketua syif, ketua kumpulan dan lain-lain.
Malaysia Airports atau Syarikat	Malaysia Airports Holdings Berhad, dan subsidiarinya atau Kumpulan Syarikat.

Pakaian menjolok mata	Pakaian pejabat yang tidak sesuai dan tidak sopan. Pakaian ini termasuk kebaya/baju kurung yang jarang atau ketat, kemeja/blaus/blaus berkait yang melekap pada badan, kolar/leher baju yang luas, baju dedah belakang, skirt/seluar yang ketat, skirt/sarung/gaun labuh dengan belah yang panjang yang mendedahkan paha dan skirt pendek.
Badan Awam	Hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditetapkan untuknya di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan hendaklah termasuk Malaysia Airports.
Gangguan seksual	Apa-apa kelakuan tidak disenangi yang berbentuk seksual yang memberikan kesan gangguan lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal: <ul style="list-style-type: none">i. yang mungkin, atas alasan yang munasabah, dianggap oleh penerima sebagai meletakkan syarat berbentuk seksual ke atas pekerjaannya; atauii. yang mungkin, atas alasan yang munasabah, dianggap oleh penerima sebagai suatu kesalahan atau penghinaan, atau ancaman terhadap kesejahteraannya, tetapi tiada kaitan secaralangsungdenganpekerjaannya.
Tajaan	Sumbangan kewangan atau peruntukan barangan atau perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat atau pihak ketiga untuk sesuatu aktiviti, acara atau kempen sebagai balasan terhadap usaha mempromosikan nama, tanda dagang, imej, aktiviti, perkhidmatan atau produk Syarikat/pihak ketiga.
Pembekal	Mana-mana orang atau entiti yang membekalkan produk atau kelengkapan atau yang memberikan apa-apa jenis perkhidmatan kepada Syarikat.

3.2. TAFSIRAN

Dalam Kod ini, kecuali konteks menghendaki sebaliknya:

- i. Versi bahasa Inggeris hendaklah dijadikan teks rasmi untuk rujukan jika berlaku apa-apa pertikaian yang timbul daripada tafsiran Kod ini;
- ii. Perkataan yang membawa maksud lelaki hendaklah dianggap dan diterima sebagai termasuk wanita dan sebaliknya;
- iii. Perkataan yang membawa maksud mufrad hendaklah dianggap dan diterima sebagai jamak dan sebaliknya;

4.0 TANGGUNGJAWAB DAN PEMATUHAN KOD

4.1 PEKERJA

Semua pekerja Malaysia Airports dikehendaki supaya:

- i. memahami dan mematuhi Kod ini.
- ii. memelihara integriti Syarikat dan mematuhi semua keperluan dan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan di setiap negara Syarikat ini menjalankan perniagaannya.
- iii. menjalankan tugasnya mengikut cara yang selaras dengan dasar, prosedur, arahan dan garis panduan Malaysia Airports yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Pekerja mesti membuat pengakuan tentang pemahaman dan pematuhannya terhadap Kod ini dalam tempoh satu (1) bulan selepas pelantikan dalam Syarikat atau menyertai Syarikat, dengan mengisi dan menghantar Perakuan Pematuhan Kod yang dilampirkan. Pekerja boleh dikenakan tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan atau pemecatan dan, jika wajar, tindakan undang-undang atau sanksi jenayah, kerana melanggar undang-undang atau Kod atau dasar, prosedur, arahan dan garis panduan lain Syarikat.

4.2 PENYELIA

Sebagai ketua dalam Syarikat, Penyelia mempunyai tanggungjawab tambahan:

- i. memastikan pekerja yang melaporkan diri kepadanya memahami dan mematuhi Kod ini.
- ii. menggalakkan pematuhan dan nilai etika yang baik menerusi kepimpinan melalui teladan.

- iii. memerhatikan dengan teliti tanda kewujudan aktiviti tidak beretika atau yang menyalahi undang-undang, amalan salah atau apa-apa aktiviti luar dari kebiasaan yang berlaku dan melaporkan perkara itu kepada Ketua atau Perhubungan Industri, Bahagian Sumber Manusia.

4.3 RAKAN PERNIAGAAN DAN PEMBEKAL

Pembekal diharapkan supaya mematuhi prinsip dan piawaian yang ditetapkan dalam Kod ini dalam hubungan dan urusan mereka dengan Syarikat. Pelanggaran Kod ini akan menyebabkan nama mereka disenaraihitamkan oleh Syarikat.

Rakan perniagaan digalakkan menggunakan prinsip dan piawaian kelakuan yang sama.

5.0 RASUAH, FRAUD DAN PECAH AMANAH

5.1 RASUAH

Malaysia Airport menentang sepenuhnya apa-apa bentuk sogokan dan rasuah.

Pekerja Syarikat tidak boleh, secara langsung atau melalui perantara, menawarkan, memberikan, meminta atau menerima apa-apa bentuk sogokan, wang atau selainnya termasuk tetapi tidak terhad pada hak istimewa, keistimewaan, kemudahan, perkhidmatan, hadiah atau apa-apa barang berharga yang lain, atau membenarkan atau menerima layanan istimewa atau kelebihan untuk mendapatkan atau mengekalkan apa-apa urusan perniagaan atau untuk manfaat peribadi.

Sebagai pegawai Badan Awam, mana-mana Pekerja Malaysia Airports tidak dibenarkan menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada untuk dirinya, ahli keluarga atau rakan sekutunya berhubung dengan apa-apa keputusan atau tindakan tentang perkara yang Pekerja, ahli keluarga atau rakan sekutunya mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung.

Pekerja juga mesti menghindari apa-apa aktiviti atau kelakuan yang boleh menyebabkan kelakuan berkenaan atau percubaan melakukannya dapat dilihat atau disyaki

Bayaran pemudahan juga adalah sogokan dan Pekerja dilarang, secara langsung atau tidak langsung, menerima atau menawarkan atau cuba menerima atau menawarkan bayaran pemudahan daripada/kepada mana-mana orang untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain.

5.2 FRAUD

Pekerja tidak boleh terlibat dalam mana-mana urusan niaga yang melibatkan ketidakjujuran dan/atau fraud, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang memberikan gambaran buruk terhadap Syarikat

Pekerja tidak boleh menyebabkan kekeliruan, memberikan maklumat yang mengelirukan atau gagal mendedahkan maklumat penting dalam apa-apa cara dengan tujuan mendapatkan manfaat kewangan. Pekerja tidak boleh membuat perisytiharan palsu atau memalsukan apa-apa maklumat dalam mana-mana urusan niaga perniagaan. Pekerja boleh merujuk Dasar Fraud Syarikat untuk maklumat lanjut tentang larangan terhadap aktiviti pemalsuan.

5.3 PECAH AMANAH

Pekerja tidak boleh terlibat dalam kelakuan yang merupakan pelanggaran amanah dan keyakinan Syarikat terhadap pekerja, seperti penyalahgunaan aset atau dana Syarikat.

6.0 KONFLIK KEPENTINGAN

6.1 PANDUAN AM

Semua pekerja mesti berpandukan kepentingan Syarikat dalam keputusan dan tindakannya bagi pihak Syarikat.

Konflik kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi Pekerja mengganggu atau berpotensi mengganggu kemampuan Pekerja untuk bertindak dengan objektiviti menyeluruh berhubung dengan kepentingan Syarikat. Konflik kepentingan boleh wujud walaupun ia tidak menyebabkan tindakan tidak beretika atau tidak wajar. Pekerja mesti menghindarkan dirinya daripada meletakkan dirinya dalam situasi konflik kepentingan.

Jika pekerja sedar tentang konflik kepentingan, sama ada sebenarnya, berpotensi atau dilihat secara zahir, Pekerja mesti mendedahkannya dengan segera kepada Ketuanya dengan menggunakan Borang Pendedahan Konflik Kepentingan. Apabila ragu, tindakan terbaik adalah mendedahkannya. Kegagalan mendedahkan sepenuhnya jenis dan fakta konflik kepentingan boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap Pekerja tersebut. Maklumat yang diberikan oleh Pekerja tertakluk pada pengesahan Pengurusan.

6.2 PEKERJAAN DAN AKTIVITI LUAR

- i. Pekerja tidak boleh melakukan pekerjaan luar sama ada sepenuh masa atau sambilan, atau terlibat dalam apa-apa aktiviti perniagaan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Ketuanya.
- ii. Pekerja dilarang daripada terlibat dalam jualan dan/atau mendapatkan penumpang dan/atau menjadi ejen untuk mengambil penumpang di lapangan terbang.
- iii. Pekerja tidak boleh terlibat dalam apa-apa aktiviti luar jika aktiviti tersebut menjejaskan mutu kerjanya di Syarikat; bersaing dengan perniagaan dan aktiviti Syarikat; menjejaskan reputasi Syarikat; atau menimbulkan konflik kepentingan sebenar atau ketara atau berpotensi dengan tugas Pekerja di Syarikat.

6.3 HONORARIUM

Pekerja dibenarkan menerima honorarium untuk kuliah/ucapan yang disampaikan atau nasihat pakar yang diberikan melalui kapasitinya sebagai pakar dalam bidang tertentu atau sebagai Pekerja Malaysia Airports.

Semua undangan untuk perkhidmatan Pekerja Malaysia Airports mesti diluluskan secara bertulis oleh Ketua masing-masing. Honorarium yang diterima bagi kuliah/ucapan yang disampaikan mesti diisytiharkan secara bertulis kepada Ketua masing-masing.

6.4 KEAHLIAN LEMBAGA

Pekerja hanya boleh dibenarkan berkhidmat dalam lembaga agensi/badan kerajaan dan/atau syarikat/entiti tidak diperbadankan di luar Syarikat dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah Urusan. Bagi Pengarah Urusan, kelulusan Pengerusi Lembaga Pengarah diperlukan. Semua fi dan/atau bayaran yang diterima oleh Pekerja berhubung dengan perkhidmatan tersebut mesti diisytiharkan kepada Syarikat.

Apabila pelantikan lembaga tersebut berkaitan dengan perniagaan keluarga atau organisasi bukan untuk keuntungan (contohnya, kelab dan persatuan yang berkaitan dengan sosial atau komuniti), kelulusan awal tidak diperlukan selagi aktiviti tersebut tidak merugikan Syarikat. Walau bagaimanapun, Pekerja mesti mendapatkan kelulusan terlebih dahulu apabila hendak menerima apa-apa jawatan dalam lembaga bagi organisasi bukan untuk keuntungan, jika organisasi tersebut mempunyai apa-apa hubungan dengan Syarikat atau mungkin mengharapkan sokongan kewangan atau sokongan lain daripada Syarikat.

6.5 KEPENTINGAN DALAM PERNIAGAAN LAIN

Mana-mana Pekerja yang ahli keluarganya (termasuk Pekerja) mempunyai kepentingan terletak hak (sama ada dalam bentuk kepengarahan, perkongsian, pemegangan saham, perundingan, penasihat atau melalui agensi) dalam mana-mana entiti yang mempunyai urusan dengan Syarikat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau terlibat dalam membuat keputusan berhubung dengan apa-apa urusan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) dengan entiti tersebut dalam menjalankan tugasnya, hendaklah mengisytiharkan hubungan tersebut kepada Ketuanya secara bertulis dengan menggunakan Borang Pendedahan Konflik Kepentingan dan selepas itu hendaklah berkecuali daripada apa-apa penglibatan dalam urusan perniagaan tersebut.

6.6 AHLI KELUARGA

Ahli keluarga Pekerja boleh diambil bekerja sebagai Pekerja atau perunding dengan syarat pelantikan tersebut dibuat berdasarkan kelayakan, prestasi, kemahiran dan pengalaman, serta menurut dasar dan prosedur pengambilan Syarikat.

Pekerja tidak dibenarkan berada dalam Bahagian/Unit yang sama dan/atau tidak boleh menyelia atau berada dalam kedudukan yang boleh mempengaruhi pengambilan, penilaian atau perancangan kerjaya ahli keluarganya yang diambil bekerja oleh Syarikat.

6.7 HUBUNGAN BUKAN PROFESIONAL

Pekerja tidak digalakkan mengadakan hubungan yang rapat yang melebihi hubungan profesional dan persahabatan sosial di tempat kerja kerana ia boleh mewujudkan konflik kepentingan dan mengakibatkan salah seorang daripadanya menerima atau memberikan faedah yang tidak setimpal, atau layanan istimewa atau maklumat sulit mungkin diberikan disebabkan hubungan tersebut.

6.8 URUSAN PERIBADI DENGAN PEMBEKAL DAN PELANGGAN

Pekerja mesti memastikan urusan niaga atau urusan peribadi mereka dengan mana-mana pembekal dan pelanggan Syarikat dibuat berdasarkan tulus dan adil, contohnya, pembelian yang termanya tidak lebih baik daripada yang ditawarkan kepada orang awam.

6.9 URUSAN KONTRAKTUAL DENGAN PEKERJA

Syarikat tidak boleh membeli atau memajak harta, kelengkapan atau bahan daripada atau mengikat perjanjian kontraktual (selain kontrak pekerjaan) dengan Pkerjanya tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Sumber Manusia.

Sebagai pengecualian selanjutnya, Syarikat tidak menghalang penyewaan rumah atau bangunan milik Pekerja atau ahli keluarganya dengan syarat kepentingan tersebut diisytiharkan kepada Ketua Sumber Manusia.

6.10 PELABURAN

Semua Pekerja tidak boleh membenarkan pelaburannya mempengaruhi, atau kelihatan mempengaruhi, pertimbangan peribadi bagi pihak Syarikat. Hal ini boleh berlaku melalui banyak cara, tetapi besar kemungkinan ia menyebabkan konflik kepentingan dapat dilihat secara zahir jika Pekerja mempunyai pelaburan dalam pesaing, pelanggan atau pembekal dan keputusannya mungkin memberikan kesan perniagaan ke atas pihak luar ini. Jika terdapat apa-apa keraguan tentang sesuatu pelaburan, ia hendaklah didedahkan kepada Ketuanya.

Pekerja juga dilarang menggunakan maklumat bukan awam untuk membeli atau menjual apa-apa harta atau saham secara langsung atau tidak langsung dalam perniagaan yang Syarikat mungkin berminat untuk memperoleh, menjual atau mewujudkan atau menamatkan hubungan perniagaan.

7.0 HADIAH, KERAJIAN DAN PERJALANAN

7.1 HADIAH

7.1.1 Menerima Hadiah

Pekerja dan ahli keluarganya tidak boleh meminta atau menerima apa-apa hadiah daripada pembekal, rakan perniagaan dan pelanggan semasa atau berpotensi, sama ada secara langsung atau tidak langsung yang boleh mempengaruhi pertimbangan pekerja dalam proses membuat keputusan atau meletakkan Pekerja dalam kedudukan konflik.

Walaupun prinsip am adalah menolak atau memulangkan hadiah tersebut dengan segera, namun menerima hadiah bagi pihak Malaysia Airports dibenarkan dalam keadaan yang digariskan dalam Garis Panduan Hadiah Syarikat. Walau bagaimanapun, hadiah yang berbentuk tunai atau kesetaraan tunai tidak boleh diterima di bawah apa-apa keadaan.

7.1.2 Menyediakan Hadiah

Pekerja tidak boleh menyediakan hadiah untuk pihak ketiga kecuali bagi keadaan yang digariskan dalam Garis Panduan Hadiah Syarikat.

Walaupun bagaimanapun, beberapa situasi perniagaan mungkin memerlukan pemberian hadiah. Dalam keadaan tersebut, apa-apa bentuk hadiah yang hendak diberikan mestilah sah dan hanya boleh diberikan oleh Pengerusi Lembaga, Pengarah Urusan, Pengurus Besar dan ke atas, Pengurus Kanan Lapangan Terbang dan Pengurus Lapangan Terbang.

Pekerja tidak boleh menawarkan apa-apa hadiah dalam bentuk tunai atau kesetaraan tunai. Pekerja juga mesti peka dengan dasar hadiah organisasi penerima.

7.2 KERAIAN

7.2.1 Menerima Keraian

Pekerja dibenarkan menyertai keraian perniagaan biasa seperti makan tengah hari, makan malam, teater dan acara sukan, dengan syarat keraian tersebut adalah:

- i. bona fide dan bertujuan dijadikan sebagai platform perbincangan atau untuk tujuan rangkaian bagi mengukuhkan hubungan perniagaan; dan
- ii. tidak mewah atau kerap yang boleh mempengaruhi keputusan perniagaan.

7.2.2 Menawarkan Keraian

Pekerja boleh menawarkan atau menyediakan keraian sederhana yang dibenarkan, munasabah dan sesuai di bawah keadaan dan dalam konteks perniagaan. Walau bagaimanapun, Pekerja mesti peka dengan dasar keraian organisasi penerima.

7.3 PERJALANAN

7.3.1. Penerimaan Perbelanjaan Perjalanan

Pekerja boleh menerima pengangkutan dan penginapan yang disediakan oleh pembekal Syarikat atau pihak ketiga lain, jika perjalanan itu adalah untuk kerja, yang dinyatakan dalam kontrak/hasil boleh serah yang dipersetujui antara Syarikat dengan pembekal atau pihak ketiga lain dan kelulusan terlebih dahulu telah diperolehi daripada Ketuaanya.

7.3.2 Peruntukan Perbelanjaan Perjalanan

Kecuali dilarang oleh undang-undang atau dasar organisasi penerima, Syarikat boleh membayar perbelanjaan pengangkutan dan penginapan yang ditanggung oleh pembekal atau rakan perniagaan berhubung dengan lawatan ke premis Syarikat untuk tujuan perniagaan yang sah. Kelulusan awal menurut prosedur yang ditetapkan mesti diperolehi.

8.0 DERMA DAN TAJAAN

8.1 DERMA

Derma menjadi sebahagian daripada komitmen Syarikat kepada masyarakat dan satu cara menyokong tujuan yang wajar. Malangnya, derma boleh menimbulkan risiko sogokan kerana ia melibatkan pembayaran kepada pihak ketiga tanpa pulangan ketara dan boleh digunakan sebagai helah untuk sogokan.

Semua permintaan untuk derma mesti disalurkan kepada Bahagian Komunikasi Korporat. Kelulusan awal mesti diperolehi menurut Dasar Tajaan dan Derma Malaysia Airports sebelum menyumbangkan derma bagi pihak Syarikat.

8.2 TAJAAN

8.2.1 Menerima Tajaan

Mana-mana Unit/Bahagian/Lapangan Terbang/Subsidiari atau persatuan/kesatuan /kelab yang berkaitan dengan Syarikat boleh meminta atau menerima tajaan daripada pihak ketiga kecuali daripada pembekal dan rakan perniagaan semasa. Sebelum menerima apa-apa tajaan, Unit/Bahagian/Lapangan Terbang/Subsidiari mesti mendapatkan kelulusan bertulis daripada Pengarah Urusan manakala persatuan/kesatuan/kelab mesti mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Sumber Manusia.

Walau bagaimanapun, tajaan dalam bentuk tunai atau kesetaraan tunai tidak boleh diminta atau diterima di bawah apa-apa keadaan. Unit/Bahagian/Lapangan Terbang/Subsidiari atau persatuan/kelab/kesatuan hendaklah memastikan pematuhan Garis Panduan Tajaan dalam mana-mana urusan tajaan.

8.2.2 Menawarkan Tajaan

Apa-apa tajaan yang hendak dibuat bagi pihak Syarikat mesti mendapat kelulusan awal menurut Dasar Tajaan dan Derma Malaysia Airports.

9.0 SUMBANGAN POLITIK

Syarikat tidak boleh memberikan apa-apa sumbangan politik untuk menyokong parti-parti, calon atau inisiatif politik.

10.0 PERISYTIHARAN ASET

Semua pekerja dikehendaki mengisytiharkan aset dan kepentingan mereka termasuk perniagaan keluarga kepada Bahagian Sumber Manusia dengan menggunakan borang yang ditetapkan:

- i. apabila melaporkan diri untuk bertugas
- ii. sekali setiap tiga (3) tahun
- iii. apabila dia memperoleh atau melupuskan asetnya
- iv. apabila dikehendaki oleh Syarikat

11.0 ASET SYARIKAT

- 11.1 Semua Pekerja bertanggungjawab melindungi maklumat, lekapan, kelengkapan, kemudahan dan aset lain Syarikat dan dilarang menyalahgunakan apa-apa maklumat, lekapan, kelengkapan, kemudahan dan aset lain Syarikat, termasuk komputer, pencetak, peranti media elektronik, komputer riba, kamera, telefon bimbit, mesin faksimile, mesin fotokopi, untuk tujuan selain aktiviti perniagaan Syarikat.
- 11.2 Syarikat, tanpa persetujuan awal Pkerjanya, berhak memantau mana-mana atau semua aktiviti Pkerja dalam sistem komputer mereka. Syarikat boleh memantau laman Internet yang dilawat oleh Pkerja, menyemak bahan yang dimuat turun oleh Pkerja, serta memeriksa dan memantau e-mel yang diterima dan dihantar oleh Pkerja dalam aktiviti harian mereka di Syarikat.
- 11.3 Pkerja tidak boleh menyalahgunakan sistem komputer Syarikat untuk mengakses laman web yang dilarang dan/atau memuat turun bahan yang mengandungi kandungan yang dilarang, luhah, bersifat perkauman, bahasa kesat, berbau politik, subversif, kontroversi, serangan serta bahan lain yang tidak berkaitan dengan perniagaan Syarikat.

12.0 KERAHSIAAN MAKLUMAT

- 12.1 Pekerja tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang diperoleh daripada rekod, fail, dan/atau atur cara komputer Syarikat, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana individu atau syarikat lain untuk manfaat peribadi atau atas alasan selain yang dibenarkan oleh Syarikat. Jika pendedahan apa-apa maklumat sulit didapati perlu, maka perkara itu mesti terlebih dahulu dirujuk kepada Ketua masing-masing untuk kelulusan.
- 12.2 Pekerja hendaklah juga memastikan pematuhan Dasar Keselamatan Maklumat Malaysia Airports pada setiap masa.

13.0 MAKLUMAT TERPILIH DAN PERTUKARAN MAKLUMAT DALAMAN

Dalam tempoh perkhidmatan dengan Syarikat, Pekerja dilarang menggunakan apa-apa maklumat terpilih Syarikat yang berbentuk bukan awam untuk meneruskan kepentingan diri sendiri, contohnya, perdagangan dalam sekuriti atau kepentingan dalam mana-mana harta berdasarkan pengetahuan yang diperoleh daripada pekerjaannya.

14.0 PERNYATAAN SYARIKAT

Pekerja tidak boleh membuat apa-apa pernyataan, pernyataan palsu atau maklumat mengelirukan berhubung dengan Syarikat kepada media, akhbar atau orang awam. Pekerja mesti merujuk Bahagian Komunikasi Korporat Syarikat sebelum mengeluarkan apa-apa pernyataan kepada media, akhbar atau orang awam.

15.0 KELAKUAN DALAM MEDIA SOSIAL

Semua Pekerja dilarang sepenuhnya daripada menghantar:

- i. kandungan (termasuk foto atau video) yang boleh menjejaskan reputasi Syarikat, Pengurusannya, Pekerja Syarikat dan/atau pelanggan, rakan kongsi dan pembekalnya; dan
- ii. apa-apa kandungan sensitif atau sulit tentang Syarikat; ke platform media sosial termasuk tetapi tidak terhad pada blog, Facebook, Twitter, LinkedIn; laman perkongsian foto seperti Flickr, Instagram; dan laman perkongsian video seperti YouTube.

16.0 KELAKUAN TERHADAP RAKAN SEKERJA DAN ORANG LAIN

- 16.1 Pekerja dilarang menggunakan perkataan yang kasar, menghina, kesat, tidak sopan, lucu dan apa-apa perkataan atau tindakan lain yang memperkecil rakan sekerja atau pegawai atasan atau dalam apa-apa dokumen dan surat-menyurat Syarikat.
- 16.2 Syarikat tidak bertolak ansur terhadap apa-apa bentuk gangguan seksual di tempat kerja menurut Dasar Gangguan Seksual Malaysia Airports.

- 16.3 Pekerja dilarang daripada bertindak dalam apa-apa cara yang boleh merosakkan dan mencemarkan nama baik Syarikat dan menjejaskan kepentingan dan perniagaan Syarikat.
- 16.4 Pekerja tidak boleh menunjukkan keingkaran terhadap arahan sah yang dikeluarkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa.

17.0 PENYERTAAN DALAM POLITIK

- 17.1 Pekerja boleh menyertai aktiviti politik apabila mendapat kelulusan bertulis daripada Syarikat tetapi penglibatan itu mesti dasingkan daripada peranan dan tanggungjawab sebagai Pekerja Syarikat. Menjadi tanggungjawab Pekerja memastikan prestasinya tidak terjejas akibat penglibatannya dalam politik.
- 17.2 Pekerja yang terlibat dalam politik tidak boleh menggunakan kedudukannya untuk memaksa atau cuba mendesak Pekerja lain supaya memberikan sumbangan untuk menyokongnya dan/atau calon politik lain atau atas apa-apa alasan politik.

18.0 AKTIVITI JENAYAH/PENGGANAS

Pekerja mesti memastikan sepenuhnya produk, harta, kemudahan dan perkhidmatan Syarikat tidak digunakan untuk tujuan membiayai atau membantu aktiviti jenayah dan/atau pengganas.

19.0 ALKOHOL DAN DADAH

19.1 ALKOHOL

Pengilangan, pemilikan, pengedaran, jualan dan pengambilan alkohol oleh Pekerja di atas atau di sekitar premis Syarikat dilarang sepenuhnya kecuali apabila tugas menghendaki minuman beralkohol dihidangkan atau dikendalikan.

19.2 DADAH

Pengilangan, pemilikan dan pengedaran dadah haram dan/atau barangan terkawal lain oleh Pekerja di atas atau di sekitar premis Syarikat dilarang sepenuhnya kecuali untuk rawatan perubatan dan diperolehi melalui preskripsi yang sah.

20.0 PAKAIAN DAN PENAMPILAN DI TEMPAT KERJA

20.1 KOD PAKAIAN DAN PENAMPILAN DI TEMPAT KERJA

Pekerja dikehendaki memakai pakaian yang sesuai, kemas dan rapi semasa waktu kerja untuk menggambarkan keprofesionalan dan memelihara imej baik Syarikat.

20.2 RAMBUT

- i. Pekerja lelaki dikehendaki berambut pendek dan dipotong rapi. Rambut panjang sehingga ke paras bawah kolar dan ekor kuda dilarang sama sekali.
- ii. Pekerja wanita dikehendaki mempunyai fesyen rambut yang kemas dan sesuai dengan persekitaran kerja.

20.3 PAKAIAN UNTUK PEKERJA LELAKI

- i. Pekerja lelaki dikehendaki memakai kemeja lengan panjang atau lengan pendek dan dimasukkan ke dalam seluar semasa waktu pejabat. Seluar jeans denim atau jenis jeans, kemeja Hawaii atau kemeja-T (dengan atau tanpa kolar) tidak dibenarkan.
- ii. Eksekutif dikehendaki memakai tali leher untuk mesyuarat rasmi perniagaan dan/atau majlis atau apabila dikehendaki berbuat demikian.
- iii. Pekerja lelaki boleh memakai baju Melayu dengan sampung dan songkok pada hari Jumaat.

20.4 PAKAIAN UNTUK PEKERJA WANITA

Pekerja wanita dikehendaki memakai pakaian pejabat yang rasmi dan sesuai semasa waktu pejabat. Jeans, kemeja-T dan pakaian menjolok mata tidak dibenarkan sama sekali.

20.5 PAKAIAN SERAGAM

Pekerja berpakaian seragam mesti memastikan pakaian seragam sentiasa bersih. Pekerja lelaki dikehendaki memakai kemeja yang dimasukkan ke dalam seluar.

20.6 KASUT

Pekerja dikehendaki memakai kasut pejabat dan untuk Pekerja lelaki, dikehendaki memakai stoking. Kasut sukan, selipar atau sandal tidak dibenarkan, kecuali atas alasan perubatan yang disahkan sewajarnya oleh pengamal perubatan berdaftar.

20.7 BERPAKAIAN SILANG

Berpakaian silang tidak dibenarkan di premis Syarikat dan/atau semasa waktu kerja.

21.0 HARTA INTELEKTUAL, HAK CIPTA DAN TANDA DAGANG

21.1 HARTA INTELEKTUAL

- i. Pekerja mesti memastikan peruntukan dalam perjanjian untuk lesen perisian komputer sentiasa dipatuhi.
- ii. Syarikat berhak memiliki apa-apa idea, reka cipta dan kandungan berhubung dengan perniagaannya yang telah dihasilkan oleh Pekerja dalam tempoh perkhidmatan mereka dengan Syarikat.

21.2 HAK CIPTA DAN TANDA DAGANG

- i. Tanda dagang dan tanda khidmat (perkataan, slogan, simbol, logo atau alat yang digunakan untuk mengenal pasti produk atau perkhidmatan) dan bentuk harta intelektual lain adalah alat perniagaan yang penting dan bernilai bagi Syarikat dan oleh itu penjagaan dan penggunaannya mesti dipantau.
- ii. Pekerja dilarang menggunakan sistem komputer Syarikat untuk menghantar (memuat naik) atau menerima (memuat turun) bahan berhak cipta, maklumat kewangan bermilik atau bahan yang serupa tanpa kebenaran bertulis terdahulu daripada Syarikat.

22.0 INTEGRITI KEWANGAN

22.1 Pekerja mesti mematuhi sepenuhnya semua dasar yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa tentang perkara yang berkaitan dengan kewangan Syarikat.

22.2 Pekerja dilarang:

- i. Menyembunyikan, meminda, memusnahkan atau mengubah rekod atau dokumen kewangan Syarikat;
- ii. Dengan sengaja membuat nota palsu atau mengelirukan dalam rekod, laporan, fail atau tuntutan; dan
- iii. Terlibat dalam apa-apa skim untuk menipu wang, harta dan perkhidmatan.

23.0 PELANGGARAN KOD

23.1 Menjadi tanggungjawab Pekerja melaporkan apa-apa kejadian sebenar atau yang disyaki tentang pelanggaran Kod ini, apa-apa undang-undang atau peraturan serta dasar dan prosedur Syarikat kepada Penyelia atau Pegawai Perhubungan Industri, Bahagian Sumber Manusia. Selain itu, Pekerja boleh melaporkan pelanggaran itu melalui Program Pemberi Maklumat, sebuah saluran yang selamat dan sulit untuk Pekerja membuat aduan tentang kesalahan, amalan salah atau kelakuan tidak beretika dan menyalahi undang-undang.

23.2 Kegagalan melaporkan apa-apa aktiviti jenayah atau aktiviti yang salah di sisi undang-undang boleh ditafsirkan sebagai menyembunyikan jenayah atau aktiviti tersebut. Kegagalan melaporkan kesalahan yang diketahui oleh mana-mana individu boleh menyebabkan tindakan tata tertib diambil ke atas individu tersebut

24.0 PINDAAN

Syarikat berhak menambah, membatalkan atau meminda dokumen ini, dan pindaan tersebut hendaklah diterbitkan dan diedarkan kepada semua Pekerja apabila perlu dari semasa ke semasa.

25.0 PENGESAHAN PEMATUHAN KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami Kod Etika dan Tatakelakuan (Kod) untuk Kumpulan Syarikat Malaysia Airports Holdings Berhad (Kumpulan MAHB). Saya juga berjanji akan sentiasa mematuhi Kod ini.

Saya akan berkelakuan seperti seorang profesional dan penuh integriti serta mematuhi Kod ini dalam melaksanakan tugas harian saya dan sebagai pekerja Kumpulan MAHB.

Saya juga memahami tanggungjawab saya supaya melaporkan apa-apa pelanggaran sebenar atau disyaki terhadap Kod ini, apa-apa undang-undang atau peraturan, dasar dan prosedur Kumpulan MAHB kepada Penyelia saya atau Pegawai Perhubungan Industri, Bahagian Sumber Manusia atau melalui Program Pemberi Maklumat.

Saya tahu apa-apa kegagalan saya mematuhi Kod ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk penamatan pekerjaan, diambil ke atas saya.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kakitangan : _____

Tarikh : _____

CONTENTS	PAGE
1.0 OBJECTIVE	24
2.0 SCOPE	24
3.0 DEFINITIONS AND INTERPRETATIONS	24
4.0 RESPONSIBILITY AND COMPLIANCE TO THE CODE	30
5.0 CORRUPTION, FRAUD AND BREACH OF TRUST	30
6.0 CONFLICT OF INTEREST	31
7.0 GIFTS, ENTERTAINMENT AND TRAVEL	34
8.0 DONATION AND SPONSORSHIP	35
9.0 POLITICAL CONTRIBUTIONS	36
10.0 DECLARATION OF ASSETS	36
11.0 COMPANY ASSETS	36
12.0 CONFIDENTIALITY OF INFORMATION	36
13.0 SELECTED INFORMATION AND EXCHANGE OF INTERNAL INFORMATION	37
14.0 COMPANY STATEMENT	37
15.0 CONDUCT IN SOCIAL MEDIA	37
16.0 CONDUCT TOWARDS COLLEAGUES AND OTHER PEOPLE	37
17.0 PARTICIPATION IN POLITICS	38
18.0 CRIMINAL/TERRORIST ACTIVITIES	38
19.0 ALCOHOL AND DRUGS	38
20.0 ATTIRE AND APPEARANCE AT THE WORKPLACE	38
21.0 INTELLECTUAL PROPERTY, COPYRIGHT AND TRADE MARKS	39
22.0 FINANCIAL INTEGRITY	40
23.0 BREACH OF THE CODE	40
24.0 AMENDMENTS	40
25.0 CERTIFICATION OF COMPLIANCE TO CODE OF ETHICS AND CONDUCT	41

THIS CODE OF ETHICS AND CONDUCT IS EFFECTIVE FROM 30 MARCH 2017

1.0 OBJECTIVE

